

P.U. (A) 111/2016

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

**PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN
(PINDAAN) 2016**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 378(1) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2016**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 27 April 2016.

Pindaan peraturan 8

2. Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2012 [*P.U. (A) 474/2012*] yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan menggantikan perenggan 8(1)(c) dengan perenggan yang berikut:

"(c) suatu permohonan pendaftaran sebagai pengendali pasaran diiktiraf di bawah subseksyen 34(1) Akta;"

Pindaan Jadual 2

3. Bahagian I Jadual 2 kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda-

(a) dengan menggantikan perkataan "kemudahan elektronik" dengan perkataan "pengendali pasaran diiktiraf"; dan

(b) dengan menggantikan butiran “Pendaftaran kemudahan elektronik di bawah subseksyen 34(1) Akta” dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan butiran dan butir-butir yang berikut:

“

<i>Aktiviti</i>	<i>Fi</i>
Pendaftaran pengendali pasaran diiktiraf di bawah subseksyen 34(1) Akta	RM5,000.00 bagi permohonan pendaftaran

“

Dibuat 19 April 2016

[SC/GC(R&R)/Subsidiary-CMSR/2015(201)-1;(PU2)662/X]

DATO' SERI RANJIT AJIT SINGH
Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Diluluskan 21 April 2016

[KK/SID/P/(S)/483/669/4(SK.7);PN(PU2)662/X]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua